



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato’/YBrs. Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan kementerian ini bertarikh 25 Mei 2023 (Khamis) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER
1	<p>Malaysia Chairs 11th Asean Ministerial Meeting On Social Welfare And Development</p> <p>https://www.nst.com.my/news/nation/2023/05/912644/malaysia-a-chairs-11th-asean-ministerial-meeting-social-welfare-and</p>	NST
2	<p>Drop In Underage Marriage Figures From 2020 To 2021, Dewan Rakyat Told</p> <p>https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/05/24/drop-in-underage-marriage-figures-from-2020-to-2021-dewan-rakyat-told</p> <p>https://www.nst.com.my/news/nation/2023/05/912802/child-marriage-cases-decline-19pc-says-minister</p>	<p>The Star</p> <p>NST</p>
3	<p>Political Will, Firm Agenda Needed To Hit 30% Women MP Target, Say Activists</p>	

	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/05/24/political-will-firm-agenda-needed-to-hit-30-women-mp-target-say-activists	The Star
4	<p>Kanak-Kanak Lelaki Diserang Buaya, Terima Lapan Jahitan</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2023/05/24/kanak-kanak-lelaki-diserang-buaya-terima-lapan-jahitan</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/260088/berita/semasa/budak-terima-8-jahitan-selepas-lawan-buaya</p>	<p>Utusan Borneo</p> <p>Sinar Harian</p>
5	<p>Kanak-Kanak Perlu Dilindungi</p> <p>https://sarawakvoice.com/kanak-kanak-perlu-dilindungi/</p>	Sarawak Voice
6	<p>Kelayakan Pengasuh Perlu Jadi Keutamaan</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/kelayakan-pengasuh-perlu-jadi-keutamaan/</p>	Buletin TV3
7	<p>Wanita Hamil Dibunuh, Dibakar Pendiam, Anak Yatim Piatu</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/1105568/wanita-hamil-dibunuh-dibakar-pendiam-anak-yatim-piatu</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=MXa0_qcSP7c</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/260068/berita/semasa/tikam-bakar-teman-wanita-niat-semunyi-kehamilan</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/260145/video/berita-semasa-video/sanggup-tikam-bakar-teman-wanita-dengan-niat-semunyi-kehamilan</p> <p>https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2023/05/24/tragis-perut-wanita-hamil-luar-nikah-ditoreh-ditikam-teman-lelaki-dua-kali-dibakar-elak-kehamilan-diketahui-umum</p> <p>https://majoriti.com.my/berita/2023/05/24/lelaki-kelar-perut-bakar-teman-wanita-2-kali-di-sabak-bernam-untuk-hapus-bukti-hamilluar-nikah</p>	<p>Berita Harian</p> <p>Buletin TV9</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Sinar Harian</p> <p>MStar</p> <p>Majoriti</p>

	<p>https://mykmu.net/2023/05/24/tikam-bakar-teman-wanita-dengan-niat-semunyi-kehamilan/</p> <p>https://www.hmetro.com.my/utama/2023/05/970330/kekasih-hamil-dibunuh-dibakar-metrotv</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/970414/mangsa-hamil-dibunuh-dibakar-seorang-pendiam-jiran-metrotv</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=UQE3CcidahQ</p> <p>https://www.malaysiakini.com/news/666281</p> <p>https://bernama.com/bm/news.php?id=2191896</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/tikam-toreh-bakar-kekasih-hamil/</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/05/24/lelaki-tikam-toreh-bakar-kekasih-hamil/</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/index.php/jenayah/64139-teman-lelaki-bunuh-bakar-kekasih-hamil</p>	<p>MYKMU</p> <p>Harian Metro</p> <p>Harian Metro</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Malaysia Kini</p> <p>Bernamea</p> <p>Utusan</p> <p>Kosmo</p> <p>Berita RTM</p>
8	<p>Wanita Warga Emas Maut Ditikam</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/970436/wanita-warga-emas-maut-ditikam</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/05/24/wanita-warga-emas-maut-dipercayai-dibunuh/</p> <p>https://selangorkini.my/2023/05/wanita-warga-emas-ditemui-maut-dalam-bilik-tidur-dipercayai-dibunuh/</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/260109/berita/semasa/warga-emas-maut-dengan-kesan-tikam-di-leher-pipi-telinga</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/05/24/warga-emas-maut-leher-ditikam/</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-warga-emas-ditemui-maut-dengan-kesan-kelar-tikaman-pada-leher-telinga-pipi-421001</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Selangor Kini</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Kosmo</p> <p>Astro Awani</p>

	<p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/05/24/bergelut-pertahan-diri-warga-emas-maut-ditikam-penceroboh/</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/mayat-warga-emas-ditemui-dengan-kesan-kecederaan/</p> <p>https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2191987</p>	<p>FMT</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Bernamea</p>
9	<p>Tidak Guna Sistem Kesan Warga Emas Tinggal Bersendirian</p> <p>https://harakahdaily.net/index.php/2023/05/24/tidak-guna-sistem-kesan-warga-emas-tinggal-bersendirian/</p>	<p>Harakah Daily</p>
10	<p>Remaja Mengaku Salah Rogol Kekasih Bawah Umur [METROTV]</p> <p>https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/05/970314/remaja-mengaku-salah-rogol-kekasih-bawah-umur-metrotv</p>	<p>Harian Metro</p>
11	<p>Warga Emas Lepas Tembakan Ke Rumah Jiran Ditahan</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/970432/warga-emas-lepas-tembakan-ke-rumah-jiran-ditahan</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/260129/berita/semasa/warga-emas-disyaki-lepas-tembakan-terkena-rumah-jiran-ditahan</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/05/25/warga-emas-ditahan-lepas-tembakan-ke-rumah-jiran/</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/1105572/warga-emas-ditahan-disyaki-lepas-tembakan-terkena-rumah-jiran</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Sinar Harian</p> <p>FMT</p> <p>Berita Harian</p>
12	<p>Tiada Siapa Yang Tahu Hati Makcik Menangis</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/05/25/tiada-siapa-vang-tahu-hati-makcik-menangis/</p>	<p>Malaysia Gazette</p>
13	<p>Siti Syazwani Perlu RM60,000 Jalani Pembedahan Jantung</p>	

<https://www.kosmo.com.my/2023/05/25/siti-syazwani-perlu-rm60000-jalani-pembedahan-jantung/>

Kosmo

MALAYSIA CHAIRS 11TH ASEAN MINISTERIAL MEETING ON SOCIAL WELFARE AND DEVELOPMENT

<https://www.nst.com.my/news/nation/2023/05/912644/malaysia-chairs-11th-asean-ministerial-meeting-social-welfare-and>

Sumber : News Straits Times



KUALA LUMPUR: The Women, Family and Community Development Ministry is currently hosting the 11th Asean Ministerial Meeting on Social Welfare and Development (11th AMMSWD) and Related Meetings from May 22-25.

As the Chairperson of the 11th AMMSWD and Related Meetings, Malaysia is committed to supporting social development in the region and to achieve gender equality through mainstreaming gender and social inclusiveness.

The 11th AMMSWD meeting is chaired by ministry secretary-general Datuk Dr Maziah Che Yusoff, who assumed the chairmanship from Thailand.



The 11th AMMSWD meeting is chaired by ministry secretary-general Datuk Dr Maziah Che Yusoff, who assumed the chairmanship from Thailand. - Pis courtesy of Women, Family and Community Development Ministry

The theme "Accelerating the Implementation of Asean Commitments for Gender Equality through Gender Mainstreaming and Social Inclusion" was chosen in the 11th AMMSWD Meeting to recognise the importance of leaving no one behind in the process of building a more inclusive and resilient post-pandemic world.

This theme envisages Asean as an inclusive community that promotes high quality of life with equitable access to opportunities for all, and promotes and protects the rights of women and community at large.

The forum brings together government and non-governmental organisations (NGOs) to collaborate and share experiences on accelerating Asean's collective actions, particularly in advancing gender equality and social inclusion in social welfare and development.

In a statement today, the ministry said the good synergy created between the Asean countries has indirectly helped to speed up the implementation of Asean's commitment to gender equality and social inclusion.

DROP IN UNDERAGE MARRIAGE FIGURES FROM 2020 TO 2021, DEWAN RAKYAT TOLD

<https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/05/24/drop-in-underage-marriage-figures-from-2020-to-2021-dewan-rakyat-told>

Sumber : The Star



KUALA LUMPUR: The number of people in underage marriages in Malaysia decreased to 1,086 in 2021 from 1,354 in 2020, says Datuk Seri Nancy Syukri (*pic*).

The Women, Family and Community Development Minister said 2020 statistics showed 1,233 bumiputra, 63 Chinese, 12 Indians and 46 from other ethnic groups were in underage marriages.

“In 2021, there were 1,001 bumiputra, 36 Chinese, four Indians and 45 from other races,” she said in a Parliamentary written reply to Young Shefura Othman (PH-Bentong) on Wednesday (May 24).

“Of that number, 962 are Muslims and 124 are non-Muslims,” she added.

Young Shefura had asked the ministry to state the statistics on underage marriages since 2020 together with a breakdown by race and religion.

She also asked the government about its initiatives to address underage marriage.

Nancy said that through her ministry, several programmes and action plans have been developed based on the National Strategic Plan in Handling the Causes of Child Marriage for 2020 until 2025.

“Through the plan, the government has taken various approaches that include legislation, education, awareness campaigns on sexual and reproductive health, strengthening the family institution, as well as collecting data and socioeconomic support systems,” she said.

POLITICAL WILL, FIRM AGENDA NEEDED TO HIT 30% WOMEN MP TARGET, SAY ACTIVISTS

<https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/05/24/political-will-firm-agenda-needed-to-hit-30-women-mp-target-say-activists>

Sumber : The Star

PETALING JAYA: When women make up about half of the Malaysian population, there should be more women in Parliament as lawmakers to promote gender equality, say activists and rights groups.

“Fifty percent of the population are women, yes? (Yet) we have men deciding on (matters from) custody to citizenship to child marriage. We are such a patriarchal society,” said Yayasan Chow Kit founder Datuk Dr Hartini Zainudin.

She said like many countries, Malaysia also sees women under-represented in political leadership positions.

Adding more women lawmakers can address societal imbalance and promote gender equality, she added.

“Women bring different perspectives and experiences to policymaking, which can help ensure that policies are fair and equitable for all citizens.

“Women's health and well-being can be improved by having more policies which address issues like maternal health, access to contraception, and gender-based violence.

“Having more women in parliament who prioritise these issues can help ensure that such policies are put in place,” she said when contacted on Wednesday (May 24).

She was commenting on Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri's remarks in the Dewan Rakyat that Malaysia has almost achieved its target of 30% women leaders in the top 100 public-listed companies.

However, Nancy said on Tuesday (May 23) that this target may not be achieved soon in the Dewan Rakyat unless both sides of the political divide work towards this goal.

There are only 30 women MPs out of 222 in the lower House, a mere 13.5%, against 29.7% of women in board of director positions in public-listed companies nationwide.

Dr Hartini said women's participation in the workforce is crucial for economic growth and development and when given equal opportunities to participate in politics and governance, they are more likely to be empowered economically as well.

The prominent activist said it is crucial that women's voices are heard and their perspectives included in policy making.

Meanwhile, former Human Rights Commission of Malaysia (Suhakam) commissioner Associate Prof Dr Nik Salida Suhaila Nik Saleh said it is important to have a significant number of women legislators to avoid procedural systems and legal formalities that are patriarchal in nature.

“The legislation process must take into account both men and women's point of view because laws are legislated for all and no one will be left behind,” she said.

However, she said meeting the 30% quota for women legislators in the august House could still be a long shot.

“There is still a long way to go. If there is no systematic effort done as a national agenda and... (the) political will, we might not meet this number even until 2070,” she said.

All Women's Action Society (Awam) information and communications officer Amanda Shweeta Louis said a key factor in the lack of political representation is the persisting structural barriers hindering women's political participation.

She cited deep-rooted gender biases and stereotypes that often undermine women's credibility and keeps them from being taken seriously in the political landscape.

She said this can be seen in the allocation of party resources and machinery during elections as well as the portrayal of women leaders in the media.

“It took the nation more than 20 years to pass the Anti-Sexual Harassment Bill last year. The 30% target was established at the Beijing Platform for Action in 1995 and having women develop leadership in various industries at the rate of 30% should not take 28 years.

“We have had at least five elections since 1995 but even in the last one, not many parties put forth 30% of women as candidates,” she added.

She said overcoming these barriers to transform societal norms, challenge the power dynamic, and create inclusive political spaces requires collective action and a conscious effort.

She added that it is important to fulfil the to 30% quota in the Dewan Rakyat to foster a dynamic, diverse and robust political landscape.

KANAK-KANAK LELAKI DISERANG BUAYA, TERIMA LAPAN JAHITAN

<https://www.utusanborneo.com.my/2023/05/24/kanak-kanak-lelaki-diserang-buaya-terima-lapan-jahitan>

Sumber : Utusan Borneo



SANDAKAN: Seorang kanak-kanak lelaki terpaksa menerima lapan jahitan selepas diserang buaya di Kampung Batu Putih, di sini, semalam.

Dalam kejadian kira-kira jam 1 petang itu, mangsa berumur sembilan tahun terbabit cedera di bahagian tangan akibat digigit reptilia berkenaan.

Pegawai Jabatan Hidupan Liar (JHL) Sandakan, Hussien Muin berkata, ketika kejadian itu, kawasan rumah mangsa mengalami fenomena air pasang besar.

Katanya, mangsa bersama rakannya berenang keluar daripada rumah jiran menuju balik ke rumahnya ketika kejadian itu.

“Bagaimanapun, mangsa tiba-tiba diserang dan digigit di bahagian tangan, namun kanak-kanak terbabit sempat melawan dan berjaya melepaskan diri sebelum diselamatkan oleh bapanya.

“Mangsa terus dikejarkan ke sebuah klinik swasta untuk mendapatkan rawatan sebelum pulang ke rumahnya,” katanya dalam kenyataan media, di sini hari ini.

Menurutnya, anggota JHL kemudian datang memeriksa mangsa di rumahnya dan mendapati kanak-kanak terbabit menerima lapan jahitan dilengan sebelah kanan, cedera di bahu kanan dan kepala.



CEDERA: Mangsa terima lapan jahitan di bahagian lengan kanan dan cedera di kepala.

Susulan itu, katanya, anggota JHL menjalankan pemantauan di sekitar lokasi kejadian selepas mendapat maklumat daripada bapa mangsa.

“Namun, tinjauan ketika air surut dilakukan, tiada kelibat buaya dilihat berhampiran kawasan tersebut,” katanya.

Hussien menasihatkan semua penduduk setempat supaya sentiasa berwaspada apabila menggunakan laluan jalan ketika air laut pasang.

“Penduduk juga diminta sentiasa memastikan anak-anak mereka tidak berada atau bermain di kawasan berhampiran sungai berkenaan bagi tujuan keselamatan,” katanya.

KANAK-KANAK PERLU DILINDUNGI

<https://sarawakvoice.com/kanak-kanak-perlu-dilindungi/>

Sumber : Sarawak Voice



KUCHING: Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak (JKMS) mengendalikan sebanyak 1,466 kes di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 bagi tempoh Januari 2022 hingga April 2023.

Menurut Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Datuk Seri Fatimah Abdullah, ia merangkumi 638 kes yang memerlukan perlindungan segera termasuk 622 kes hamil luar nikah.

“Selain itu, terdapat sebanyak 403 kes pemeliharaan dan perlindungan di bawah Seksyen 17 dan Seksyen 41; sejumlah 41 kes kanak-kanak tidak terkawal di bawah Seksyen 46 dan 384 kes terlibat dengan jenayah di bawah Seksyen 91,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika dalam ucapan penggulungan kementerianya pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak, di sini, semalam.

ADUN Dalat itu memberitahu, kementerian melalui JKMS khusus dalam menangani isu sosial melibatkan kanak-kanak, menyediakan perkhidmatan pegawai akhlak dan pelindung serta institusi pemeliharaan dan pemulihan bagi membantu kanakkanak daripada pengabaian, penderaan dan eksploitasi.

“Daripada jumlah tersebut, seramai 82 diperintahkan oleh Mahkamah Bagi Kanak-Kanak untuk ditempatkan ke institusi kebajikan seperti Rumah Kanak-Kanak, Asrama Akhlak, Sekolah Tunas Bakti/Sekolah Henry Gurney Puncak Borneo dan Taman Seri Puteri (TSP).

“Sementara itu bagi membantu penghuni Sekolah Henry Gurney Puncak Borneo yang mempunyai masalah pembelajaran dan buta huruf, kementerian menyalurkan dana Geran Pemerkasaan NGO berjumlah RM20,000.

“Ini bagi membolehkan Persatuan Disleksia Sarawak bagi membantu Penjara Puncak Borneo menganjurkan dua siri program Meningkatkan Literasi Bahasa Malaysia yang memanfaatkan 21 orang penghuni,” ujarnya.

Mengulas lanjut, katanya, kementerian juga menambah bilangan Pegawai Akhlak dan Pelindung daripada 25 kepada 47 orang.

“Kesan penambahan ini, kita mencapai nisbah 1:31 (satu pegawai kepada 31 kes) untuk menguruskan 1,466 kes tersebut sekali gus memenuhi piawaian antarabangsa iaitu 1:15-35.

“Justeru, dengan adanya penambahbaikan nisbah ini, kebajikan dan kesejahteraan kanak-kanak di negeri ini lebih terjaga,” tambahnya.

KELAYAKAN PENGASUH PERLU JADI KEUTAMAAN

<https://www.buletintv3.my/nasional/kelayakan-pengasuh-perlu-jadi-keutamaan/>

Sumber : Buletin TV3



PETALING JAYA: Kes penderaan kanak-kanak angkara pengasuh terus menerus dilaporkan.

Justeru kebimbangan ibu bapa dan penjaga untuk menghantar anak-anak ke pusat penjagaan kanak-kanak kerana dibimbangi akan menerima nasib sama.

Ramai kembali mempertikaikan syarat kelayakan pengambilan pengasuh di premis terbabit adakah mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan.

Presiden Persatuan Pengasuhan dan Perkembangan Awal Kanak-Kanak Berdaftar Malaysia (PPBM), Anisa Ahmad berkata, setiap pengasuh hendaklah mempunyai beberapa kriteria yang ditetapkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Jelasnya antara kriteria yang membolehkan pengasuh itu bekerja di mana-mana institusi penjagaan kanak-kanak, ialah warganegara Malaysia, Berumur 18 tahun ke atas dan perlu menghadiri dan lulus kursus asuhan dan didikan awal kanak-kanak PERMATA.



Presiden Persatuan Pengasuhan dan Perkembangan Awal Kanak-Kanak Berdaftar Malaysia (PPBM), Anisa Ahmad

Dalam pada itu, Anisa ketika ditanya mengenai kes-kes yang masih lagi berlaku akhir-akhir ini, tegasnya kadang-kala kejadian ini disebabkan emosi pengasuh itu sendiri.

Setiap manusia mempunyai emosi yang berbeza-beza pada setiap hari yang boleh menyumbang kepada tingkah laku luar kawalan pengasuh sehingga wujud kes penderaan kanak-kanak di rumah asuhan, tadika dan sebagainya.

“Pengasuh ini seperti kita semua, kita manusia, kita semua ada mental... bukan mental health tapi kita ada masalah kesihatan, kesihatan mental maksudnya hari ni kita mungkin agak ok, kita sekarang kat depan TV, semua senang, tenang je tapi dalam hati tuhan je tahu macam mana kan.”

“Dan kadang-kadang ada satu-satu masa tu kita terlampau sensitif, jadi sama juga dengan pengasuh ni walaupun dia melalui saringan or apa tapi kadang-kadang mental state dia tu kadang-kadang kita tak tahu apa yang terjadi dekat rumah.” katanya.

Beliau berkata demikian menerusi rancangan Malaysia Hari Ini di sini hari ini.

Tambahnya persekitaran di tempat asuhan juga perlu diberi keutamaan oleh ibu bapa seperti melihat jumlah kanak-kanak yang dijaga oleh setiap pengasuh.

Ia bagi mengelakkan lebih kuota yang ditetapkan oleh JKM untuk setiap pengasuh contohnya bagi sembilan orang bayi adalah untuk tiga pengasuh.

WANITA HAMIL DIBUNUH, DIBAKAR PENDIAM, ANAK YATIM PIATU

<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/1105568/wanita-hamil-dibunuh-dibakar-pendiam-anak-yatim-piatu>

Sumber : Berita Harian

SUNGAI BESAR: Wanita hamil empat bulan yang **mayatnya ditemui terbakar** dalam kawasan belukar kebun kelapa sawit di Jalan Sungai Limau, di sini semalam adalah anak yatim piatu dan disifatkan jirannya sebagai pendiam.

Menurut jiran mangsa, wanita berusia 21 tahun berkenaan kehilangan ibunya yang meninggal dunia tahun lalu, manakala bapanya pula meninggal setahun sebelum itu, dikenali sebagai individu yang tidak banyak bercakap.

"Kedua-dua ibu dan bapanya meninggal dunia disebabkan masalah kesihatan. Saya bukan sahaja terkejut, malah seakan-akan tidak percaya dengan tragedi menyayat hati ini.

"Sebagai jiran, saya sangat mengenalinya. Bila gambarnya tersebar di laman sosial, kami seolah-olah tidak percaya kejadian yang menyimpannya," katanya yang enggan namanya disiarkan, ketika ditemui, hari ini.

Jiran berkenaan memaklumkan, mangsa menyewa kediaman di taman perumahan sama dengannya sejak lebih 10 tahun lalu.

"Dia tinggal bersama dua adik beradiknya di rumah berkenaan. Hanya keluar untuk bekerja dan adik-beradiknya juga sudah bekerja," katanya.

Menurutnya, semua ahli keluarga mangsa dipercayai berkumpul di Hospital Sungai Buloh untuk proses menuntut jenazah.

Terdahulu, media melaporkan, mangsa ditemui dalam keadaan terbakar oleh orang awam di kawasan belukar kebun kelapa sawit.

Difahamkan, kejadian berpunca apabila suspek lelaki berusia 20 tahun mahu merahsiakan kehamilan selepas melakukan hubungan sulit dengan mangsa.

Ketua Polis Daerah Sabak Bernam, Superintendan Agus Salim Mohd Alias, dilaporkan berkata polis menahan suspek yang terbabit dalam kejadian itu di kawasan Sungai Besar.

WANITA WARGA EMAS MAUT DITIKAM

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/970436/wanita-warga-emas-maut-ditikam>

Sumber : Harian Metro



Parit Buntar: Wanita warga emas ditemui maut dengan kesan tikaman pada leher dalam bilik tidur di rumahnya di Kampung Tersusun Simpang Lima, di sini, semalam.

Ketua Polis Perak, Datuk Seri Mohd Yusri Hassan Basri, berkata mangsa berusia 61 tahun itu ditemukan oleh jirannya pada jam 6.45 petang sebelum dimaklumkan pada pihak polis.

"Mayat mangsa ditemukan dalam keadaan separuh bogel dengan kesan darah pada bantal, tilam dan dinding.

"Pemeriksaan lanjut menemukan kesan luka potong dan luka tikaman pada telinga, leher dan pipi mangsa.

"Terdapat juga kesan lebam di lengan mangsa dipercayai berlaku pergelutan dengan suspek ketika cuba mempertahankan diri," katanya dalam satu kenyataan media.

Menurutnya siasatan lanjut mendapati suspek memecah masuk rumah mangsa berikutan terdapat kesan umpil pada tingkap.

Tambahnya tiada barang berharga milik mangsa yang hilang dan mangsa tinggal sendirian di rumah berkenaan.

"Mayat dihantar ke Jabatan Forensik, Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh dan hasil bedah siasat mendapati punca kematian adalah disebabkan kesan luka tikaman pada leher.

"Usaha mengesan suspek giat dijalankan dan siasatan lanjut dijalankan bagi mengenal pasti motif sebenar kejadian itu," katanya.

Tambah beliau, kes disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana kesalahan bunuh.

Orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan kejadian itu diminta menghubungi balai polis berhampiran atau di talian 05-721222 bagi membantu siasatan.

TIDAK GUNA SISTEM KESAN WARGA EMAS TINGGAL BERSENDIRIAN

<https://harakahdaily.net/index.php/2023/05/24/tidak-guna-sistem-kesan-warga-emas-tinggal-bersendirian/>

Sumber : Harakah Daily



KUALA LUMPUR: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) pada masa ini tidak menggunakan sebarang sistem untuk mengesan golongan warga emas yang tinggal bersendirian.

Walau bagaimanapun, KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sedang membangunkan Sistem Warga Emas Nasional (Sistem e-WEN) bagi memenuhi keperluan untuk mempunyai sistem maklumat dan data bersepadu berkaitan warga emas.

“Sistem ini dirancang untuk berfungsi sebagai medium pendaftaran warga emas, suai padan aktiviti atau pekerjaan dan perkongsian maklumat serta menghasilkan pemetaan warga emas di negara ini pada masa hadapan sebagai langkah menyokong penuaan aktif dan produktif selaras dengan Dasar Warga Emas Negara,” ujar KPWKM dalam jawapan bertulis kepada soalan Ahli Parlimen Parit, Muhammad Ismi Mat Taib, semalam.

Muhammad Ismi dalam soalnya meminta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan sama ada Kementerian mempunyai perancangan untuk mewujudkan satu sistem yang komprehensif dalam mengesan dan memantau golongan warga emas yang tinggal bersendirian di seluruh negara bagi memastikan kebajikan mereka tidak terabai.

Menurut KKM, dalam menyokong warga emas hidup sejahtera dan terus berada dalam persekitaran komunitinya termasuk yang tinggal bersendirian, JKM telah mewujudkan Program Khidmat Bantu di Rumah (KBDR@Home Help), Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE), Unit Penyayang Warga Emas (UPWE) dan Bantuan Warga Emas (BWE). – **HARAKAHDAILY 24/5/2023**

REMAJA MENGAKU SALAH ROGOL KEKASIH BAWAH UMUR [METROTV]

<https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/05/970314/remaja-mengaku-salah-rogol-kekasih-bawah-umur-metrotv>

Sumber : Harian Metro

Kuala Terengganu: Seorang tukang rumah mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, tadi, atas tuduhan memperkosa kekasihnya dua tahun lalu.

Tertuduh, Muhammad Syafiq Arman Mohd Shuhaimi, 19, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Nooriah Osman.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa merogol mangsa yang ketika itu berusia 14 tahun tujuh bulan di kawasan semak di daerah ini, jam 9.30 malam, pertengahan April 2021.

Bagi kesalahan itu, tertuduh yang didakwa mengikut Seksyen 376(1) Kanun Keseksaan berdepan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebat, jika sabit kesalahan.

Sejurus pengakuan bersalah tertuduh direkodkan, mahkamah menetapkan 25 Jun depan sebagai tarikh sebutan kes untuk fakta dan hukuman sementara menunggu laporan sosial daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM5,000 dengan seorang penjamin.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Intan Nor Hilwani Mat Rifin manakala tertuduh diwakili peguam daripada Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan, Nurul Najmi Md Nasir.

WARGA EMAS LEPAS TEMBAKAN KE RUMAH JIRAN DITAHAN

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/970432/warga-emas-lepas-tembakan-ke-rumah-jiran-ditahan>

Sumber : Harian Metro



Kluang: Warga emas berusia 60 an ditahan berkaitan laporan polis mengenai kejadian letupan yang berlaku di Taman Delima di sini kira-kira 6 petang semalam.

Ketua Polis Daerah Kluang, Asisten Komisioner Bahrin Mohd Noh berkata, suspek ditahan bersama selaras senapang patah laras jenis 'shot gun' bersama tiga butir peluru jenis 'sme mega'.

Katanya, semakan mendapati suspek mempunyai rekod lampau jenayah namun pemeriksaan urin ke atasnya negatif pengaruh dadah.

"Polis menerima laporan polis berkaitan bunyi letupan dan mengakibatkan kerosakan pada bahagian tangki air dan juga bingkai tingkap di sebuah rumah di Taman Delima.

"Siasatan menjumpai kesan peluru jenis 'ball bearing' di tempat kejadian dan dipercayai hasil daripada kesan tembakan.

"Bertindak hasil siasatan di tempat kejadian, sepasukan pegawai dan

anggota Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kluang telah menahan seorang lelaki tempatan berusia 60 an kira-kira 9 malam di sebuah lokasi di daerah ini.

"Polis membuat rampasan termasuk buku lesen dan resit memperbaharui lesen senjatapi dan punca tembakan dilepaskan masih dalam siasatan," katanya ketika dihubungi.

Beliau berkata, kes disiasat di bawah Seksyen 39 Akta Senjata 1960 yang memperuntukkan hukuman penjara setahun atau denda atau kedua-duanya jika sabit kesalahan

TIADA SIAPA YANG TAHU HATI MAKCIK MENANGIS

<https://malaysiagazette.com/2023/05/25/tiada-siapa-yang-tahu-hati-makcik-menangis/>

Sumber : Malaysia Gazette



KUANTAN – Berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul.

Begitulah dugaan hidup seorang ibu tunggal Orang Kurang Upaya (OKU), Zarina Mohd Ali, 59, yang cekal menjaga tiga anaknya yang sakit, meskipun dia sendiri kehilangan kedua-dua belah kakinya akibat kencing manis.

Menurut Zarina, kaki kirinya terpaksa dipotong sehingga paras lutut pada tahun 2016 akibat kencing manis dan seterusnya kaki kanan pada tahun 2020.

“Makcik beginilah, sudah jatuh ditimpa tangga. Daripada arwah suami makcik meninggal dunia pada tahun 2017, lepas satu, satu dugaan datang,” luah Zarina ketika ditemui di kediamannya di Sungai Isap Perdana, di sini.



Zarina Mohd Ali

Sebelum itu, anak keduanya, Khairun Nabilah Mohd Shamsuri, 29, disahkan menghidap kegagalan buah pinggang sejak tahun 2011 dan perlu menjalani proses dialisis tiga hari seminggu.

Namun, katanya, ketika itu suaminya, Mohd Shamsuri Abdullah ada bersama-sama menjaga anak kedua tersebut.

“Dulu makcik ada pelindung (suami), makcik tak rasa macam ni sangat. Apa-apa kami berdua. Sejak dia tiada, semua makcik kena hadap seorang,” ulasnya.

Selepas suaminya meninggal dunia akibat serangan jantung pada 2017, anak sulungnya, Mohd Amir Haziq pula mengambil peranan sebagai tulang belakang keluarga, membantu menjana pendapatan mereka sekeluarga.

Tetapi, dia diuji lagi apabila anak bongsunya, Khairun Nisha, 22, juga didiagnos dengan kegagalan buah pinggang dua tahun lalu, juga perlu menjalani Dialisis Peritoneal Ambulatori Berterusan (CAPD).



Bilik yang disediakan untuk Khairun Nisha Mohd Shamsuri menjalani (CAPD) di rumah

“Pada awalnya Nisha disahkan badannya dipenuhi toksin dan kurang darah (anemia). Tapi, lepas tu doktor beritahu dia ada sakit buah pinggang juga, tapi kena jalani CAPD di rumah.

“Siapa tak kesian dengar anak sendiri mengadu sakit seluruh badan. Kalau boleh, makcik nak biarlah sakit tu dipindahkan kepada makcik.

“Nisha sekarang dah enam hari di Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) sebab ada jangkitan kuman,” kata ibu tunggal itu lagi.

Lebih meruntun jiwa, Zarina memberitahu anak sulung yang menjadi tulang belakang keluarganya, Amir pula disahkan terkena jangkitan kulit Selulitis.

Penyakit it mengakibatkan Amir terlantar di rumah sejak November tahun lepas dan tidak mampu lagi untuk bekerja.

Dia juga memberitahu, anak lelaki tunggalnya itu pun sudah empat hari di HTAA kerana menerima rawatan.

“Saudara terdekat ada datang melawat, memang mereka cakap makcik kuat dengan dugaan ni. Hakikatnya tiada siapa tahu makcik menangis macam mana,” cerita Zarina sambil mengesat air mata yang mengalir.



Zarina Mohd Ali

Memandangkan dia tidak mampu bekerja untuk menampung perbelanjaan perubatan dan kehidupan mereka, Zarina dan anak-anaknya kini hidup berbekalkan wang simpanan persaraan arwah suaminya sebanyak RM1,200 sebulan.

“Kalau makcik sihat macam awak, ada kaki, makcik boleh gagahkan diri lagi. Dulu, masa kaki kiri kena potong pun makcik boleh buat kuih muruku untuk dijual.

“Tapi makcik reda, kalau ini takdirNya, makcik terima. Sebab dulu makcik selalu tonton rancangan realiti ‘Bersamamu’. Makcik tengok ada orang lagi susah daripada makcik.

“Orang lain ada yang tiada rumah, rumah bocor, sekurangnya makcik ada rumah,” katanya lagi.

Disebalik ketenangan raut wajahnya, wanita ini jelas menyembunyikan kegusaran di hati mengenangkan nasib dia sekeluarga meneruskan hidup pada masa akan datang.

Orang ramai yang ingin memberi sumbangan kepada Zarina dan keluarga, boleh berbuat demikian kepada akaun Bank Simpanan Nasional (Zarina Mohd Ali) – [0610029000557768](https://www.kosmo.com.my/2023/05/25/siti-syazwani-perlu-rm60000-jalani-pembedahan-jantung/). – MalaysiaGazette

SITI SYAZWANI PERLU RM60,000 JALANI PEMBEDAHAN JANTUNG

<https://www.kosmo.com.my/2023/05/25/siti-syazwani-perlu-rm60000-jalani-pembedahan-jantung/>

Sumber : Kosmo



HULU TERENGGANU – Sepasang suami isteri buntu untuk mengumpul wang berjumlah RM60,000 bagi membiayai kos pembedahan jantung anak perempuan mereka yang berusia 12 tahun.

Siti Sahara Ismail, 44, berkata, Wan Siti Syazwani Wan Mohd. Faisal yang merupakan anak sulung perlu menjalani pembedahan bagi mengubati penyakit jantung berlubang dan injap jantung bocor yang dideritainya.

“Anak saya (Wan Siti Syazwani) yang merupakan orang kurang upaya (OKU) masalah pembelajaran dilahirkan dengan masalah jantung berlubang.

“Injap jantungnya disahkan bocor sewaktu anak saya berusia sembilan tahun. Kami dimaklumkan bahawa pembedahan perlu dilakukan segera sewaktu menjalani pemeriksaan di Institut Jantung Negara (IJN), Kuala Lumpur pada 10 Mei lalu,” katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Tok Lawit di sini baru-baru ini.

Siti Sahara memberitahu, dia dan suaminya masih menunggu tarikh pembedahan tersebut.

Kos pembedahan kanak-kanak tersebut dianggarkan sebanyak RM60,000.

Menurut suri rumah itu, dia sekeluarga tidak mampu untuk menanggung kos pembedahan memandangkan suaminya, Wan Mohd. Faisal Wan Yahya, 46, bekerja sebagai pengawal keselamatan.

“Kami risau dengan tahap kesihatan Siti Syazwani kerana berat badannya semakin menyusut. Dia juga tidak boleh terlalu aktif. Sebagai ibu, saya amat berharap dia membesar dengan sihat seperti kanak-kanak lain,” katanya.

Siti Sahara berkata, sejak dilahirkan, Wan Siti Syazwani kerap berulang-alik ke hospital bagi mendapatkan rawatan.

Tambahnya, Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu dan IJN di ibu negara bagaikan ‘rumah kedua’ buat anak sulungnya itu.

Orang ramai yang ingin menghulurkan bantuan boleh berbuat demikian menerusi akaun Ambank atas nama Wan Mohd. Faisal yang bernombor 8881050648021 atau menghubungi talian 011-64292876.